

Politik seperti permainan bola sepak — Pandikar Amin

UM 15 AUG 2002

PUTRAJAYA 14 Ogos — Bekas menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Pandikar Amin Mulia berkata, beliau tidak kesal meninggalkan Kabinet kerana menyifatkan politik seperti permainan bola sepak, dengan pemain terpaksa berhenti bermain apabila pengadil membunyikan whistles.

“Politik adalah seperti bola sepak. Kalau pengadil tiup whistles, walau masih bertenaga terpaksa kita berhenti,” katanya.

Namun, sebagai pemain simpanan yang bersedia untuk bermain, ahli politik berusia 47 tahun itu berkata, beliau sedia untuk berkhidmat untuk negara pada masa depan.

“Pokoknya waktu main, jangan main kasar terutamanya dalam keadaan umpamanya bila kita perlu dikeluarkan, kita perlu akur, kita perlu duduk di bangku simpanan untuk sementara waktu.

“Kalau perlu, tak payah pujuk, lain kali hanya beri isyarat, saya akan sentiasa bersedia, Tuan!” katanya pada jamuan tengah hari anjuran Kabinet sempena tamat tempoh beliau sebagai anggota jemaah menteri.

Pandikar Amin tidak boleh dilantik semula sebagai Ahli Dewan Negara kerana telah memenuhi tempoh maksimum selama dua penggal.

Perkara 45 (3A) Perlembagaan Persekutuan menetapkan, tempoh perkhidmatan se-

orang Ahli Dewan Negara dihadkan kepada dua penggal sahaja dan tidak boleh disambung lagi selepas itu.

Bagaimanapun, beliau masih boleh dilantik semula menyertai Kabinet sekiranya memenangi kerusi Parlimen pada pilihan raya umum akan datang.

Pandikar Amin menamatkan tugasnya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Ahli Dewan Negara pada 19 Mei lalu.

Tengah hari ini, beliau diraikan oleh rakan-rakan Kabinetnya termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Berkhidmat

Mengimbas kembali peristiwa 36 bulan lepas apabila diminta berkhidmat di peringkat Pusat, Pandikar Amin berkata, beliau agak keberatan menerima jawatan itu.

Bagaimana sekarang ini, katanya, apabila dikenang kembali selama tiga tahun menjadi anggota pentadbiran negara, beliau merasakan dirinya sebagai rakyat Malaysia yang amat beruntung kerana dapat berkhidmat dalam Kabinet dan mempunyai pengalaman yang amat berguna.

“Seperti kata Perdana Menteri, saya akan kehilangan semua yang saya kongsi dengan anda sejak tiga tahun lepas,” katanya sambil mengucapkan terima kasih ke-

pada Dr. Mahathir kerana memberi kepercayaan dan peluang kepadanya menjadi seorang Menteri Kabinet.

Sementara itu, semasa bercakap kepada pemberita, Pandikar Amin berkata, beliau akan menggunakan segala pengalamannya untuk mengukuhkan perpaduan di kalangan kaum dan agama di negara ini, terutamanya di Sabah.

Pandikar Amin, seorang pemimpin dari suku kaum Iram, berkata, beliau akan terus aktif dalam politik dan menumpukan khidmatnya di kawasan, Kota Belud, bagi mengukuh perpaduan dan kerjasama di kalangan rakyat.

Ditanya apakah yang telah dicapainya sepanjang tiga tahun memegang jawatan menteri, Pandikar Amin yang bertanggungjawab terhadap portfolio Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, berkata:

“Kemajuan itu biarlah orang awam yang menilainya. Saya cuma di waktu itu bekerjasama dengan Datuk Bandar yang ada dan pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi memahami hambatan yang dihadapi sama ada pentadbiran atau apa-apa... Di waktu saya di situ saya lebih menekankan untuk bekerja sebagai team work (satu pasukan), itu yang paling penting.”